

Uggah berkata, ketika ini sebahagian besar kawasan kampung dan rumah panjang sudah mempunyai pasukan CERT atau PBK dan usaha sedang dijalankan untuk memastikan pasukan itu diwujudkan di semua kawasan.

“Pasukan itu memang perlu di kawasan pedalaman seperti di Long Busang yang terlalu jauh dari balai bomba.

“Latihan berterusan akan diadakan supaya ahli pasukan itu tahu apa yang perlu dibuat jika berlaku sebarang kecemasan,” katanya.

Sementara itu, Mohamad Hamdan memberi jaminan perolehan aset baharu terutama pesawat akan diberi keutamaan untuk Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

“Kita sedang meneliti untuk mendapatkan pesawat yang lebih moden bagi menggantikan pesawat sedia ada yang kini ditempatkan di Miri yang berusia lebih 20 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas kepada permintaan Uggah dalam ucapannya yang mahukan JBPM menambah pesawat di Sarawak khususnya bagi menangani kebakaran hutan.